



05 SEP, 2024

Kastam Sabah gagalkan cubaan seludup 20kg syabu

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam Sabah gagalkan cubaan seludup 20kg syabu

Kota Kinabalu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan cubaan menyeludup lebih 20 kilogram (kg) dadah jenis syabu di gudang Mas Kargo, di sini, pada 30 Ogos lalu.

Semua dadah yang disorok dalam bungkusan plastik kuning dikesan pegawai kastam kargo udara, pasukan cawangan narkotik Sabah.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Siti Mang, berkata pemeriksaan mendapati 20 bungkusan plastik itu mengandungi dadah jenis Me-

thamphetamine atau syabu dengan berat kasar 20,295 gram dianggarkan bernilai RM649,440.

“Kes ini dalam siasatan lanjut untuk mengesan jaringan sindiket lebih besar dan memastikan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang terabit,” katanya, di sini semalam.

Katanya, modus operan di bagi kes itu ialah menggunakan bungkusan plastik kuning yang diseludup masuk ke dalam negara melalui kargo udara.

“Kes disiasat mengikut

Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Jika sabit kesalahan, boleh dihukum mati mandatori atau penjara seumur hidup,” katanya.

Sementara itu, Siti berkata, penyeludupan bukan saja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, orang ramai disarankan bekerjasama memerangi jenayah penyeludupan dengan menyalurkan maklumat ke talian percuma Kastam 1-800-88-8855.



05 SEP, 2024

Kastam Sabah gagalkan cubaan seludup 20kg syabu

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Kinabalu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menumpaskan cubaan menyeludup lebih 20 kilogram (kg) dadah jenis syabu di gudang Mas Kargo, di sini, pada 30 Ogos lalu. Semua dadah yang disorok dalam bungkusan plastik kuning dikesan pegawai kastam kargo udara, pasukan cawangan narkotik Sabah. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Siti Mang, berkata pemeriksaan mendapati 20 bungkusan plastik itu mengandungi dadah jenis Methamphetamine

atau syabu dengan berat kasar 20,295 gram dianggarkan bernilai RM649,440.